



**JAWATAN KOSONG
PEMBACA METER (GRED NE1-1)
SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD**

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

BIL	NAMA JAWATAN	GRED	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KENAIKAN GAJI TAHUNAN	TARAF JAWATAN
1.	Pembaca Meter	NE 1-1	RM1,700.00	RM3,300.00	RM110.00	Tetap

Nota : Tertakluk kepada Terma & Syarat Perkhidmatan berkuatkuasa. Syarikat berhak meminda atau menambah sebarang terma & syarat perkhidmatan berdasarkan keperluan dan kepentingan operasi Syarikat.

SYARAT LANTIKAN :

1. Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau berkelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) dan Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut;
2. Calon LELAKI sahaja;
3. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
4. Mempunyai lesen memandu minima Kelas B2 kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P);
5. Mempunyai motorsikal sendiri;
6. Mempunyai kemahiran menggunakan komputer;
7. Lulus kursus / latihan dan / atau ujian yang ditetapkan oleh Syarikat;
8. Boleh bertugas / bertukar di semua lokasi yang ditetapkan oleh Syarikat.

SYARAT TAMBAHAN :

1. Keutamaan anak Melaka atau pasangan atau ibu bapa berasal dari Melaka;
2. Tiada hubungan kekeluargaan (pasangan, ibu bapa, anak, adik-beradik termasuk ipar) dengan anggota yang bekerja di SAMB.

BIDANG TUGAS UTAMA :

1. Bertanggungjawab membuat bacaan bil air pengguna di lokasi meter.
2. Membuat aduan kerosakan serta kebocoran paip, melapor kecurian air dan lain-lain aktiviti yang berkaitan dengan tanggungjawab pembaca meter.
3. Berkomunikasi dan menyampaikan maklumat dengan berhemah dan tepat.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 28 FEBRUARI 2025 (JUMAAT)

- Permohonan yang lengkap dan lulus di peringkat saringan sahaja akan dipanggil temuduga.